



**SEKTOR PENGURUSAN IPTS
JABATAN PENGURUSAN IPT
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA
ARAS BAWAH & ARAS LIMA
BLOK 1, MENARA PJH, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62505 PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN.**



**GARIS PANDUAN UNTUK MENDAPATKAN PAS PENGAJIAN BAGI
TENAGA PENGAJAR ASING DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA
(IPTS, KOLEJ UNIVERSITI DAN BERTARAF UNIVERSITI)**

1. Pengiklanan Jawatan

- 1.1. Sesebuah institusi pengajian tinggi swasta yang memerlukan perkhidmatan pegawai warganegara asing hendaklah terlebih dahulu mengiklankan kekosongan jawatan tersebut di dalam akhbar tempatan.
- 1.2. Pengiklanan tersebut hendaklah dibuat sekurang-kurangnya 2 kali (pada hari yang bertlain) tanpa menyatakan hanya pegawai warganegara asing sahaja yang layak memohon. Iklan tersebut hendaklah megandungi perkara-perkara berikut:
 - a) Nama dan alamat institusi.
 - b) Jawatan kosong yang perlu diisi.
 - c) Kursus/matapelajaran yang akan diajar.
 - d) Kelayakan akademik dan profesional yang diperlukan.
 - e) Pengalaman bertugas yang diperlukan.
 - f) Tarikh dikehendaki mula bertugas.
 - g) Butir-butir lain yang difikirkan sesuai dan perlu.
- 1.3. Sekiranya tiada iklan dikeluarkan pemohon hendaklah mengemukakan justifikasi mengapa jawatan ini tidak diiklan untuk pertimbangan Jawatankuasa.

2. Syarat-syarat Asas Dalam Mempertimbangkan Kesesuaian Pemohon

- 2.1. Kelulusan/ Kelayakan dan Pengalaman
 - 2.1.1 Kelayakan Akademik:
 - a) Institusi Pengajian Tinggi Swasta
 - ❖ **Tenaga Pengajar**
Mempunyai sekurang-kurangnya **Ijazah Sarjana** dengan pengkhususan yang berkaitan dengan bidang yang diajar.
 - ❖ **Pengarah Akademik/ Ketua Pengajian/ Pegawai Eksekutif**
Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana dengan pengkhususan yang berkaitan. Keutamaan diberi kepada pemohon yang mempunyai **Ijazah Kedoktoran**.
 - b) Institusi Pengajian Tinggi Swasta yang bertaraf Universiti atau setaraf dengannya.
 - ❖ **Tenaga Pengajar/ Pengarah Akademik/ Pegawai Eksekutif**
Mempunyai sarjana dan keutamaan kepada yang mempunyai Ijazah Kedoktoran dalam bidang yang mempunyai kemahiran khas
 - 2.2 Pengalaman
 - ❖ **Tenaga Pengajar**
Mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman mengajar di mana-mana Institusi Pengajian Tinggi Swasta/ Universiti.
 - ❖ **Pengarah Akademik/ Ketua Pengajian**
Mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman mengajar/ Mengurus di mana-mana Institusi Pengajian Tinggi Swasta/ Universiti.
 - 2.3 Had umur yang ditetapkan bagi guru-guru warganegara asing
 - 1) **IPTS : Tidak kurang daripada 25 tahun , Tidak lebih dari 65 tahun**
 - 2) **Universiti : Tidak kurang 30 tahun, Tidak lebih dari 70 tahun**

3. Prosedur Permohonan Pas Penggajian

- 3.1 Semua permohonan hendaklah diuruskan sendiri oleh pihak institusi berkenaan dan bukan melalui agen.
- 3.2 Permohonan mendapatkan pas penggajian samada baru atau lanjutan daripada JPT (Swasta) hendaklah dikemukakan tidak lewat daripada **3 bulan** sebelum pegawai tersebut dikehendaki bertugas.
- 3.3 Dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan:
 - 3.3.1 Borang **PEUP/1** (untuk permohonan **baru**) atau:
Borang **PEUP/2** (untuk permohonan **lanjutan**) atau:
Surat lampiran permohonan (**FORMAT PEUP**) – **Perlu ditandatangani oleh Ketua Eksekutif (jika KE menurunkan kuasa kepada pegawai lain, perlu dilampirkan surat peralihan kuasa)**
 - 3.3.2 Salinan dokumen-dokumen berikut hendaklah disahkan oleh Ketua Eksekutif institusi berkenaan:
 - ❖ Pasport
 - ❖ Sijil Akademik
 - ❖ Sijil kelulusan Ikhtisas/Profesional/Transkrip keputusan
 - ❖ Iklan kekosongan jawatan yang diiklan di dalam akhbar tempatan
 - ❖ Resit bayaran iklan
 - ❖ Justifikasi jika tiada permohonan tanpa iklan
 - ❖ Sijil Pendaftaran Institusi
 - ❖ Butir diri pemohon
 - ❖ Laporan Kesihatan terkini (baru dan lanjutan)
 - ❖ Permit mengajar (Lanjutan)
 - ❖ Salinan **surat sokongan pas penggajian** yang lama (Lanjutan)
 - ❖ Bilangan lanjutan (ke) (Lanjutan)

4. Syarat-Syarat Tambahan

- 4.1. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia boleh menolak mana-mana permohonan yang tidak memenuhi syarat yang ditetapkan.
- 4.2. Kebenaran yang telah diluluskan boleh dibatalkan sekiranya pemohon melanggar mana-mana syarat tersebut.
- 4.3. Majikan hendaklah memperakui bersama permohonan pas penggajian jaminan yang disahkan oleh **Pesuruhjaya Sumpah** bahawa pemohon tidak akan melibatkan diri dalam kegiatan yang bertentangan dengan kepentingan dan keselamatan negara seperti politik, sosial, salah guna dadah, salah laku moral, etika dan lain-lain.

Perhatian: ***Kebenaran untuk mengajar di mana-mana institusi pengajian tinggi Malaysia. Untuk kelulusan pengeluaran pas penggajian oleh Jabatan ini bukanlah satu membolehkan seseorang itu mengajar di institusi berkenaan, pemohon hendaklah memohon Permit Mengajar di Unit Universiti Sektor Pengurusan IPTS / Unit Pendaftaran Sektor Pengurusan IPTS (Yang mana berkenaan)***

SYARAT-SYARAT PERLU

1. Pegawai-pegawai dagang berkenaan **DITEGAH** berpindah jawatan/kerja dan hanya dibenarkan untuk menyandang jawatan yang diluluskan sahaja. Sebarang pertukaran jawatan jika diperlukan hendaklah terlebih dahulu **MENDAPATKAN KELULUSAN/KEBENARAN BERTULIS** daripada Jabatan Imigrasi Malaysia. (**URUSETIA PEWARGANEGARAAN**) (Peruntukan 9(3) Peraturan Imigrasi 1963)
2. Syarikat dikehendaki dan bertanggungjawab mengemukakan passport/dokumen perjalanan serta pas-pas yang dikeluarkan ke pejabat ini atau pejabat Imigrasi negeri yang berhampiran apabila pegawai dagang berkenaan berhenti/ diberhentikan kerja untuk tujuan pembatalan pasnya.
3. Pengeluaran pas-pas berkenaan adalah tertakluk kepada peruntukan dan prosedur Imigrasi.
4. Adalah menjadi tanggungjawab syarikat untuk memastikan bahawa pegawai-pegawai dagang berkenaan mematuhi serta menghormati segala undang-undang dan peraturan negara; khususnya yang berkaitan dengan Profesionalisma mereka.
5. Selepas kelulusan diberi oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia:
 - 5.1. Pemohon dikehendaki menghubungi Jabatan Imigrasi untuk pengeluaran Visa dan Pas Penggajian dan lain-lain pas yang berkaitan.
 - 5.2. Pemohon hendaklah memohon **Permit Mengajar** dari Unit Universiti / Unit Pendaftaran Sektor Pengurusan IPTS (yang mana berkenaan)
 - 5.3. Menjelaskan bayaran-bayaran yang akan ditentukan oleh Jabatan Imigrasi.
 - 5.4. Jawatan ini hendak diisi dalam 6 bulan dari tarikh kelulusan.
 - 5.5. Permohonan lanjutan hendaklah dikemukakan 3 bulan sebelum tamat tempoh kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
 - 5.5. **Salinan Pas Penggajian** yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Imigrasi hendaklah dikemukakan **segera kepada Jabatan ini untuk direkodkan.**